

16 OCT 2003

OIC-Megawati/I

MEGAWATI GESA PEMBAHARUAN OIC YANG MENYELURUH

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Terdapat keperluan bagi pembaharuan yang menyeluruh dalam struktur organisasi dan matlamat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) agar ianya lebih relevan kepada dunia moden, kata Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri hari ini.

Semasa berucap pada sesi pembukaan Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini sebagai mewakili kumpulan Asia, beliau berkata: "Kita perlu mempunyai keberanian untuk melihat adanya keazaman, sikap dan perilaku yang baru di kalangan negara-negara anggota untuk menjalankan kajian semula yang asas terhadap struktur dan mekanisme OIC."

Beliau berkata tema sidang kemuncak OIC iaitu "Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah" harus dijadikan rujukan utama bukan sahaja bagi merenung kegagalan lampau tetapi juga untuk mengilhamkan anggota-anggota agar mewujudkan matlamat baru yang pragmatik serta boleh dicapai.

Meskipun mengakui bahawa perkara itu tidak mudah dilaksanakan, beliau bagaimanapun bangga apabila sebuah negara anggota OIC dari kumpulan Asia telah mengambil inisiatif untuk membuka laluan dan mengetuai gerakan pembaharuan itu.

Megawati merujuk kepada inisiatif Malaysia untuk memperkenalkan pembaharuan dalam OIC agar pertubuhan itu lebih dinamik dan relevan.

Mengenai persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hujung bulan ini, beliau berkata:

"Kami sedar tempoh beliau memegang jawatan akan tamat tidak lama lagi, bagaimanapun, kami yakin bahawa kepimpinan, kenegarawan, dedikasi dan komitmennya akan terus membimbing pertubuhan ini pada masa depan."

Sidang kemuncak dua hari itu dipengerusikan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SAJ AZZ ROS